

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**[ INDERA MAHKOTA ]**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan memandang serius pandangan Naib Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden bahawa sistem perundangan dan Akta Hasutan telah disalahguna oleh Kerajaan Malaysia dalam tindakannya terhadap pihak pembangkang.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Badan Kehakiman adalah sebuah badan yang berfungsi untuk mentadbir dan melaksanakan keadilan di negara ini. Ia adalah suatu badan yang menjalankan kuasa kehakiman dan bebas daripada pengaruh Badan Eksekutif mahupun Perundangan (*legislative*) kerana fungsinya yang bertindak sebagai suatu mekanisma utama dalam penyelesaian apa-apa pertikaian dan melaksanakan keadilan di negara ini. Fungsi-fungsi yang dijalankan adalah fungsi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

2. Mahkamah akan memutuskan sesuatu kes setelah melalui perbicaraan secara adil dan saksama mengikut proses undang-undang (*due process of law*). Semua pihak diberikan hak perbicaraan yang adil dan setiap peluang untuk melaksanakan hak-hak perlembagaan dan peruntukkan undang-undang.

3. Berhubung dengan pendakwaan di bawah Akta Hasutan 1948, sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan di bawah akta tersebut, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan akta berkenaan tanpa mengira status. Prinsip yang sama adalah terpakai bagi penguatkuasaan semua undang-undang jenayah negara ini.

4. Keputusan untuk mengemukakan pertuduhan atau tidak terhadap mana-mana individu adalah berdasarkan kepada keterangan

dan fakta kejadian, dan bukan atas desakan oleh mana-mana pihak atau apa-apa faktor lain. Keputusan tersebut dibuat tanpa memihak kepada sesiapa dan berlandaskan kepada teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

5. Walaupun Pendakwa Raya mempunyai budi bicara yang luas dalam menentukan pendakwaan di Mahkamah, budi bicara tersebut tidak dilaksanakan tanpa kawalan.

6. Kerajaan yakin dengan ketelusan sistem kehakiman dan perundangan yang diamalkan di negara ini adalah selaras dengan kedaulatan undang-undang (*rule of law*). Sebagai sebuah negara berdaulat, mana-mana pihak harus menghormati sistem kehakiman dan perundangan negara sebagaimana Malaysia menghormati dan tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara lain.

Sekian, terima kasih.